

Jenis Akhbar : Sinar Harian
Tarikh : 16/12/2018
Edisi / Muka Surat : Nasional / 15
Tajuk : cALLme aplikasi e-hailing baharu

Sinar Harian (M/S 15) 16/12/2018
cALLme aplikasi e-hailing baharu

SEPANG - Perkhidmatan teksi kini lebih mesra pelanggan apabila mereka menawarkan perkhidmatan e-hailing, melalui platform aplikasi, cALLme.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook berkata, perkhidmatan cALLme setaraf dengan aplikasi e-hailing antarabangsa dan ini memberi peluang kepada pemandu teksi untuk bersaing secara sihat.

Menurutnya, apa yang lebih penting adalah ia menawarkan perkhidmatan teksi yang lebih baik kepada pelanggan.

"Dengan pelancaran aplikasi ini, maka kita boleh mulakan satu bab baru untuk pemandu teksi di negara ini," katanya kepada pemberita selepas melancarkan aplikasi cALLme di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), semalam.

Menurutnya, pembangunan cALLme ini


akan dapat membantu pemandu teksi mendapatkan lebih ramai pelanggan.

"Sudah tentu pelanggan mahukan perkhidmatan bukan sahaja selesa tetapi harga tambang terjamin.

"Sebelum tempahan dibuat mereka sudah tahu tambang yang akan dikenakan dan tidak timbul isu pelanggan teksi dikenakan caj tambahan dan sebagainya," katanya.

Siew Fook berkata, cALLme mula beroperasi kelmarin di KLIA dan akan diperluas ke KLIA2 serta seluruh negara.

Sementara itu, Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, cALLme dibangunkan Angkasa dengan kerjasama Koperasi Pemandu dan Pengusaha Teksi Limosin dan Kereta Sewa Selangor Berhad.



Siew Fook (tengah) melancarkan aplikasi E-Hailing cALLme di KLIA semalam. Turut mengiringi, Abdul Fattah (kiri).

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA